



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

**POLISI BAYARAN *EX GRATIA* PENJANAAN BAGI PUSAT TANGGUNGJAWAB  
(PTJ) BERTARAF UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK (SBU)**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

## 1.0 PENGENALAN

Polisi ini bertujuan untuk menjadi panduan dan rujukan dalam pengurusan bayaran *Ex-Gratia* Penjanaan bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) bertaraf Unit Perniagaan Strategik (SBU) Universiti Kebangsaan Malaysia.

## 2.0 TAKRIFAN

- 2.1 **Pusat Tanggungjawab (PTj)** merupakan pejabat di mana pemegang peruntukan/ketua jabatan telah menerima perwakilan kewajipan daripada Pegawai Pengawal dan bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal sumber kewangan di bawah seliaannya seperti peruntukan mengurus, pembangunan dan akaun amanah dan pengurusan penerimaan serta sumber-sumber lain yang berkaitan. PTj terdiri daripada Fakulti, Pusat dan Institut termasuk Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB).
- 2.2 **Unit Perniagaan Strategik atau Strategic Business Unit (SBU)** ialah PTj dalam UKM yang diberi autonomi untuk diurus secara mandiri (*independent*) untuk mencapai objektif yang ditetapkan yang selari dengan agenda jangka panjang strategik Universiti dan menawarkan produk/perkhidmatan khusus untuk segmen pasaran khusus dengan pesaing yang khusus, yang masing-masing boleh dikenal pasti dengan jelas. SBU mampu menjana keuntungan yang boleh menampung semula belanja emolument yang telah didahulukan oleh pihak Universiti dan juga berupaya menampung keseluruhan kos operasinya. SBU diwujudkan oleh Universiti bertujuan untuk menggunakan kepakaran, kemudahan dan prasarana bagi menjana pendapatan serta memenuhi keperluan Pusat Tanggungjawab (PTj) dan menyumbang kepada pendapatan Universiti.
- 2.3 ***Ex-Gratia*** dalam bahasa Latin (*eks gratia*) bermakna diberikan atau dibuat sebagai suatu pemberian atau tanda persahabatan, bukan diwajibkan di sisi undang-undang.

- 2.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019 menjelaskan mengenai pemberian *Ex-Gratia* kepada waris yang layak bagi anggota perkhidmatan awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebagai bayaran tambahan kepada faedah-faedah yang lain.
- 2.5 Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan (WP 6.2) menjelaskan Skim Bayaran Pampasan (*Ex-Gratia*) bagi pegawai kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pegawai berpencen yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk yang teraniaya anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi.
- 2.6 Manakala Pekeliling Perbendaharaan (WP 6.3) adalah mengenai Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang ditambahbaik daripada WP 6.2 sepetimana dinyatakan pada para 2.5 di atas.
- 2.7 Secara umumnya, *Ex-Gratia* dalam konteks perkhidmatan awam boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu:
  - a. Bayaran pampasan ke atas kemalangan atau kecederaan dan;
  - b. Pemberian daripada organisasi kepada kakitangan/individu yang memenuhi kriteria ditetapkan dan dipertimbangkan oleh pengurusan SBU/PTj setiap tahun selepas mengambil kira terlebih dahulu pencapaian dan keuntungan organisasi dalam tempoh masa dua belas (12) bulan yang lalu. Bayaran ini berasaskan gaji dan termasuk sebagai pendapatan bercukai.

### **3.0 SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN *EX-GRATIA* PENJANAAN**

- 3.1 Pemberian *Ex-Gratia* Penjanaan adalah merujuk dan tertakluk kepada:
  - a. Hanya kepada PTj berstatus SBU yang mampu menjana, berupaya membayar gaji dan menampung segala kos operasinya;
  - b. PTj berstatus SBU yang telah mencapai sasaran penjanaan tahun berkenaan dan memperoleh keuntungan;
  - c. Pelaksanaan setelah penutupan akaun tahunan selesai atau sekurang-kurangnya berdasarkan Laporan Pengurusan (*Management Report*) atau Draf Penyata Kewangan;
  - d. Permohonan perlu dikemukakan dan mendapat kelulusan pihak pengurusan Universiti (MPU)/Lembaga Pengarah Universiti (LPU);
  - e. Permohonan mestilah mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan bagi tahun berkenaan, asas-asas dan implikasi kewangan yang terlibat mengenai bayaran tersebut.

- f. Kos terlibat telah diperuntukan dalam bajet tahunan SBU/PTj berkenaan;
- g. Bayaran *Ex-Gratia* Penjanaan akan dikira berdasarkan gaji pokok;
- h. Syarat-syarat kelayakan dan pelaksanaan adalah berpandukan kepada para 4.

## 4.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN PELAKSANAAN

4.1 *Ex-Gratia* Penjanaan adalah layak dibayar tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

4.1.1 Bayaran layak diberikan kepada:

- a. Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
- b. Taraf jawatan lantikan Tetap, Percubaan, Kontrak, Sambilan dan lantikan MySTEP;
- c. Pegawai yang layak merupakan:
  - i. Lantikan Tetap, Percubaan, Kontrak, Sambilan dan lantikan MySTEP yang telah berkhidmat selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun berkenaan dan masih berkhidmat sebagai MySTEP pada tarikh pembayaran;
  - ii. *Ex-Gratia* Penjanaan yang dibayar pada tahun berkenaan adalah mengikut asas tempoh perkhidmatan (*pro-rata*) bagi pegawai berkhidmat kurang daripada setahun di SBU/PTj berkenaan;
  - iii. Masih berkhidmat di SBU/PTj pada 31 Disember tahun pemberian *Ex-Gratia* Penjanaan ;
  - iv. **Pegawai lantikan tetap UKM yang dipinjamkan ke SBU/PTj berkenaan adalah tertakluk kepada masa yang diperuntukan dan komitmen di SBU/PTj berkenaan;**
  - v. Pegawai lantikan khas SBU/PTj adalah bagi pemberian honorarium dan bukan daripada kategori *Ex-Gratia* Penjanaan;
  - vi. Pegawai yang meninggal pada tarikh pembayaran dilaksanakan.
  - vii. Pegawai bercuti bergaji penuh;
  - viii. Pegawai bercuti separuh gaji
  - ix. Pegawai bercuti tanpa gaji

4.1.2 Bayaran **tidak layak** diberikan kepada:

- a. Pegawai yang dijatuhkan hukuman tatatertib pada tahun pembayaran *Ex-Gratia* Penjanaan dilaksanakan;
- b. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan SBU/PTj;
- c. Pegawai yang telah meletakkan jawatan pada tahun pembayaran *Ex-Gratia* Penjanaan dan tidak berkhidmat di SBU/PTj berkenaan pada 31 Disember tahun pemberian *Ex-Gratia* Penjanaan berkenaan.

4.1.3 Bayaran **ditangguhkan** kepada pegawai SBU/PTj seperti berikut:

- a. Dalam proses siasatan, ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada tahun pembayaran *Ex-Gratia* Penjanaan.
- b. Hanya layak dibayar *Ex-Gratia* Penjanaan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

4.1.4 Lain-lain peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

## 5.0 PIHAK BERKUASA MELULUS PEMBERIAN *EX-GRATIA* PENJANAAN

- 5.1 Cadangan dan jumlah pemberian *Ex-Gratia* Penjanaan yang telah diputuskan di peringkat Pengurusan SBU/PTj hendaklah dibawa kepada Pengurusan Universiti (MPU)/Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) untuk kelulusan.
- 5.2 Permohonan juga tertakluk kepada cadangan pihak pengurusan PTj yang telah memperoleh keuntungan dan lebihan peruntukan tahunan.

## 6.0 KUATKUASA POLISI

- 6.1 Cadangan kuatkuasa Polisi Bayaran *Ex-Gratia* Penjanaan bagi Pusat Tanggungjawab (PTj) Bertaraf Unit Perniagaan Strategik (SBU), Universiti Kebangsaan Malaysia adalah pada tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

## **RUJUKAN**

1. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (WP 6.2 dan 6.3)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2019
3. Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010
4. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka
5. Skim Perkhidmatan SBU (kelulusan MPU Bil. 8/2015)

**Dikemaskini: 26 Mac 2024**

**Jabatan Bendahari**